

Cukai: Ke mana wang dibelanjakan?

Sinar Harian

11/08/2018 M/S 11

Semua negara di dunia ini mempunyai sistem percukaian mereka sendiri. Apa yang membezakannya adalah kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada setiap individu itu.

Di Malaysia, mulai 2015, individu yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi RM34,000 selepas potongan KWSP wajib membuka fail

cukai pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM).

Sebagai rakyat Malaysia, sudah menjadi satu tanggungjawab kepada individu untuk membayar cukai pendapatan setiap tahun kepada kerajaan. Semakin tinggi pendapatan, semakin banyaklah cukai pendapatan yang perlu dibayar.

Peranan LHDNM dalam menjaga kesejahteraan rakyat

Barangkali ramai yang tidak tahu peranan yang dimainkan LHDNM sebagai agensi yang menguruskan sistem percukaian di negara ini.

LHDNM adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara. Antara cukai langsung yang dipertanggungjawabkan adalah cukai pendapatan bagi syarikat, perseorangan, petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan lain-lain cukai yang telah dipersetujui antara kerajaan dan LHDNM.

Cukai pendapatan yang dikutip oleh LHDNM merupakan penyumbang tertinggi dalam Bajet Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 iaitu sebanyak 42.6 peratus. Melalui hasil cukai pendapatan yang dikutip inilah membantu kerajaan membuat perbelanjaan pembangunan yang boleh dirasakan dan dinikmati seluruh rakyat Malaysia.

Ke mana wang itu

- Pendidikan (sekolah, kolej/universiti dan sebagainya)
- Keselamatan dan pertahanan negara
- Infrastruktur dan kemudahan awam (pembinaan jalan dan sebagainya)
- Pertanian dan perindustrian
- Kesihatan (pembinaan hospital, kos rawatan perubatan, kos ubat-ubatan dan sebagainya)
- Membantu golongan yang memerlukan (Bantuan Sara Hidup Rakyat dan lain-lain)

Program Kesedaran Cukai LHDNM

LHDNM telah melaksanakan beberapa program kesedaran cukai bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan cukai. Pada 2018, beberapa program kesedaran cukai telah dilaksanakan, antaranya:

- Program Kesedaran Cukai di RnR Seremban pada 13 Februari 2018 dan RnR Tapah pada 14 Februari 2018;
- Program ini diadakan sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang bertujuan mendekatkan LHDNM



dibelanjakan kerajaan?

Setiap individu perlu faham bagaimana dan kenapa sistem cukai digunakan oleh sesebuah negara. Negara perlukan pembangunan bagi menjaga keperluan rakyat. Bayangkan jika kerajaan mengabaikan keperluan ini? Ke mana kita?

Sebagai pembayar cukai, anda perlu faham dan tahu bahawa setiap sen yang dibayar kepada LHDNM disalurkan untuk pelbagai kegunaan. Antaranya:

- dengan membayar cukai terutamanya pembayar cukai berbangsa Cina.
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR):
- LHDNM telah melaksanakan beberapa program CSR seperti program menderma cermin mata kepada pelajar sekolah yang kurang bernasib baik. Program ini merupakan medium terbaik untuk mendekati masyarakat dengan cara yang lebih mesra. Program ini juga menunjukkan LHDNM bukan sahaja bertindak sebagai agensi penguatkuasa tetapi juga sebagai sebuah organisasi yang peka dan prihatin.



Pendidikan merupakan salah satu daripada peruntukan yang disalurkan melalui hasil kutipan LHDNM.



**PERLUKAN
BANTUAN?**

**Kunjungi
cawangan LHDNM
yang berdekatan**

**Isi Borang
Maklum Balas
di www.hasil.gov.my**

**Hubungi
Hasil Care Line
di 1800-88-5436**

LHDNM turut mempunyai tiga objektif utama menerusi program-program kesedaran cukai yang dianjurkan.

1. Meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan cukai kepada masyarakat dan negara.
2. Memberi kesedaran kepada orang awam bahawa sumbangan mereka dalam bentuk cukai yang dibayar mampu memastikan kesejahteraan negara dapat diteruskan.
3. Memperkenalkan fungsi atau tugas LHDNM dan kepentingan cukai kepada orang awam menggunakan pendekatan lebih mesra.

Terbukti, cukai bukan bebanan tetapi sesuatu yang sangat rapat dengan kehidupan rakyat, pentabiran negara dan ekonomi secara menyeluruh.

Jangan hanya melihat kutipan cukai secara luaran semata-mata. Lihat dengan mata hati apabila ramai orang yang mendapat manfaat daripada cukai yang dikenakan termasuk diri kita sendiri.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, pembayar cukai perlu jalankan peranan demi menjamin masa depan masyarakat.

Jadilah pembayar cukai yang setia menunaikan tanggungjawab secara sukarela agar kemakmuran dapat dinikmati bersama.